

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 DECEMBER 2016

Dr M didakwa sengaja alih isu dalaman PPBM

BH-28/12/2016

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad didakwa meroyan dengan membangkitkan pelbagai isu, termasuk mendakwa Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai haram dan rasuah untuk menutup kemelut kepemimpinan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Setiausaha Agung Veteran UMNO, Datuk Mustapha Yaakub, mendakwa Pengerusi PPBM itu sengaja mengalih isu dalaman partinya de-

ngan mengeluarkan 'fatwa' mengenai BR1M.

Katanya, bekas Perdana Menteri itu kecewa kerana gagal menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan paling menyakitkan hatinya apabila PPBM yang baru ditubuhkannya dilanda kemelut kepemimpinan yang menunggu masa terkubur.

"Untuk mengalih isu dalaman PPBM beliau mengeluarkan 'fatwa'

mengenai BR1M dan yang menjadi persoalan sejak bila beliau menjadi ahli majlis fatwa?

Cuba dapat publisiti murahan

"Kerajaan tidak perlu melayan kerenah beliau yang suka meroyan termasuk sengaja membangkitkan cerita sensasi seperti BR1M itu haram dan rasuah semata-mata mengalihkan isu serta untuk mendapat perhatian dan publisiti mu-



Dr Mahathir sengaja berbuat demikian bertujuan mahu mendapat reaksi daripada pihak kerajaan dan UMNO dan apabila kenyataannya mendapat maklum balas, ia adalah satu kemenangan kepadanya"

Mustapha Yaakub,
Setiausaha Agung Veteran
UMNO

rahan," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Mustapha berkata, Dr Mahathir sengaja berbuat demikian bertujuan mahu mendapat reaksi daripada pihak kerajaan dan UMNO dan apabila kenyataannya mendapat maklum balas, ia adalah satu kemenangan kepadanya.

Katanya, sebelum ini, Dr Mahathir menuduh kerajaan menggadai negara ini kepada China dan berhutang dengan negara itu apabila Najib berjaya mendapat pelaburan bernilai RM143 bilion.

"Sehubungan itu, Veteran UMNO berharap kerajaan dan kepimpinan UMNO jangan membuang masa melayan kerenah kebudak-budakan Dr Mahathir. Teruskan program yang dirancang untuk kepentingan rakyat dan negara," katanya.